

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN CHAN MING KAI [ ALOR SETAR ]

TARIKH : 8 DISEMBER 2020 (SELASA)

**SOALAN**

Tuan Chan Ming Kai [ Alor Setar ] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan senarai kadar CPR (*Contraceptive Prevalence Rate*), TFR (*Total Fertility Rate*) dan *unmet rate for contraception* beberapa tahun terkini berdasarkan etnik, negeri, tahap pendidikan, umur, dan pendapatan isi rumah serta langkah diambil untuk mengurangkan kehamilan tidak dirancang (*unplanned pregnancy*) golongan miskin dan berpendidikan rendah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia yang dijalankan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) pada tahun 2014:

Kadar Penggunaan Kontraseptif (CPR) mengikut jantina, wanita berumur 15 hingga 49 tahun - sekitar 50%. CPR mengikut negeri seperti Sarawak (47.1%), Perlis (45.5%) dan lain-lain seperti di **Jadual 1**. Manakala CPR mengikut etnik iaitu Cina (62.1%), Melayu (50.6%) dan India (46.1%). CPR adalah lebih tinggi dalam kalangan mereka yang berumur 35 hingga 44 tahun berbanding dengan mereka yang lebih muda. Tidak banyak perbezaan dapat dilihat mengikut tahap pendidikan wanita.

Begitu juga dengan kadar keperluan kontraseptif yang tidak dipenuhi (*Unmet Need For Contraceptive*) dalam kalangan wanita berumur 15 hingga 49 tahun, didapati kadar ini telah berjaya mencatatkan penurunan daripada 24.7 peratus pada tahun 2004 kepada 19.6 peratus pada tahun 2014. Negeri Kedah mencapai 29.0%, W.P Labuan 28.8%; dan Terengganu 26.1%. Butiran seperti di **Jadual 2**. Kadar keperluan kontraseptif yang tidak dipenuhi mengikut etnik ialah India (21.8%), Melayu (20.1%) dan Cina (12.1%). Manakala kadar keperluan kontraseptif yang tidak dipenuhi oleh wanita berdasarkan tahap pendidikan ialah Pendidikan Tinggi (16.5%), Pendidikan Menengah (21.1%) dan Pendidikan Rendah (20.1%).

Bagi Kadar Jumlah Kesuburan (TFR) negara di Malaysia telah menurun dengan pesat sejak empat dekad lalu dengan 4.0 orang anak pada tahun 1980, menurun kepada 3.0 orang anak pada tahun 2000 dan 2.1 orang anak pada tahun 2010. Berdasarkan Laporan Perangkaan Penting Malaysia 2019 menunjukkan bahawa TFR negara kini berada pada paras 1.8 pada tahun 2018. TFR mengikut negeri iaitu Pulau Pinang paling rendah (1.3%) dan Terengganu paling tinggi (3.1%). Butiran TFR seperti di **Jadual 3**. TFR mengikut etnik pula, Bumiputera (2.4%), Cina (1.1%) dan India (1.3%).

Tuan Yang di-Pertua,

Selain mengambil langkah bagi mengurangkan kehamilan tidak terancang, Kementerian turut memberikan tumpuan kepada kesihatan reproduktif dalam kalangan pasangan yang telah berkahwin seperti menyediakan 49 buah Klinik Nur Sejahtera (KNS), 15 buah Pusat Keluarga Bergerak (PKB) dan perkhidmatan perancang keluarga di LPPKN secara atas talian.

Tujuan CPR adalah untuk membantu ibu bapa merancang kelahiran yang lebih baik bagi memastikan kesihatan dan kesejahteraan keluarga adalah terjamin. Dalam masa yang sama Kerajaan juga sentiasa berusaha untuk membantu meningkatkan kadar kesuburan rakyat di Malaysia.

Punca TPR yang semakin menurun akibat gaya hidup yang diamalkan menjadi penyebab utama. Kajian berasaskan Klien LPPKN:

- 40% - Lelaki tidak subur;
- 20% - Wanita tidak subur;
- 20% - Pasangan tidak Subur; dan
- 10% - Tak Pasti.

Sekian, terima kasih.

**Jadual 1: Kadar Penggunaan Kontraseptif (*Contraceptive Prevalence Rate*), 2004 dan 2014**

	2004		2014	
	Sebarang Kaedah	Kaedah Moden	Sebarang Kaedah	Kaedah Moden
<b>JUMLAH</b>	51.9	34.3	52.2	34.3
<b>Negeri</b>				
Johor	49.6	32.3	31.7	18.8
Kedah	47.2	35.8	35.9	10.3
Kelantan	26.0	17.5	26.7	12.4
Melaka	58.2	36.7	41.8	19.3
Negeri Sembilan	67.4	43.1	31.0	28.0
Pahang	58.2	39.6	35.3	15.7
Pulau Pinang	47.4	32.5	34.7	15.4
Perak	53.8	38.0	30.3	23.0
Perlis	45.5	38.2	45.5	6.8 <sup>1</sup>
Selangor	58.1	37.1	32.1	21.7
Terengganu	32.4	20.3	32.9	9.8 <sup>1</sup>
Sabah	-	-	36.2	12.8
Sarawak	-	-	47.1	18.1
W.P. Kuala Lumpur	56.9	33.2	30.3	20.7
W.P. Labuan	-	-	43.5	4.7 <sup>1</sup>
W.P. Putrajaya	-	-	28.6 <sup>1</sup>	31.2 <sup>1</sup>
<b>Etnik</b>				
Melayu	43.0	28.2	50.6	31.8
Cina	67.0	45.6	62.1	45.8
India	54.7	32.2	46.1	22.0
<b>Tahap Pendidikan</b>				
Rendah	48.5 <sup>2</sup>	30.6 <sup>2</sup>	54.2	40.2
Menengah	52.6	35.0	52.8	35.6
Tertiari	54.7	37.4	50.1	29.3

**SOALAN NO. : 10**

	2004		2014	
	Sebarang Kaedah	Kaedah Moden	Sebarang Kaedah	Kaedah Moden
<b>Umur (tahun)</b>				
15-19	33.3	33.3	24.4	20.5
20-24	47.4	32.6	43.9	31.6
25-29	51.3	35.1	46.0	30.3
30-34	56.4	40.8	52.1	33.4
35-39	60.0	40.9	59.3	39.3
40-44	53.1	33.5	61.0	42.0
45-49	40.6	22.7	45.0	27.2

Sumber: Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Keempat (Semenanjung Malaysia), 2004; Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima (Malaysia), 2014.

Nota:

<sup>1</sup> Perlu digunakan dengan berhati-hati kerana bilangan sampel kurang daripada 30 dan ralat pensampelan yang tinggi.

<sup>2</sup> Termasuk tiada persekolahan.

**Jadual 2: Peratusan Wanita Yang Mempunyai Keperluan Kontraseptif Yang Tidak Dipenuhi (*Unmet Need For Contraceptive*), 2004 dan 2014**

	2004	2014
<b>JUMLAH</b>	24.7	19.6
<b>Negeri</b>		
Johor	25.8	19.0
Kedah	29.3	29.0
Kelantan	33.3	24.1
Melaka	24.8	14.2
Negeri Sembilan	14.9	16.3
Pahang	21.9	20.4
Pulau Pinang	30.3	19.7
Perak	27.3	19.8
Perlis	23.6	23.2 <sup>1</sup>
Selangor	19.4	17.7
Terengganu	25.9	26.1
Sabah	-	24.7
Sarawak	-	15.3
W.P. Kuala Lumpur	25.4	14.4
W.P. Labuan	-	28.8
W.P. Putrajaya	-	5.2 <sup>1</sup>
<b>Etnik</b>		
Melayu	25.9	20.1
Cina	22.2	12.1
India	26.6	21.8
<b>Tahap Pendidikan</b>		
Rendah	38.6 <sup>2</sup>	20.1
Menengah	21.1	21.1
Tertiari	15.1	16.5

	<b>2004</b>	<b>2014</b>
<b>Umur (tahun)</b>		
15-19	-	19.1 <sup>3</sup>
20-24	21.4	
25-29	13.2	
30-34	9.7	17.2
35-39	14.2	16.9
40-44	22.7	17.3
45-49	41.7	27.4

Sumber:

Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Keempat (Semenanjung Malaysia), 2004.

Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima (Malaysia), 2014.

Nota:

<sup>1</sup> Perlu digunakan dengan berhati-hati kerana bilangan sampel kurang daripada 30 dan ralat pensampelan yang tinggi.

<sup>2</sup> Termasuk tiada persekolahan.

<sup>3</sup> Dalam kalangan 15-29 tahun.

Jadual 3: Kadar Jumlah Kesuburan (*Total Fertility Rate*), 2018

	TFR
<b>JUMLAH</b>	1.8
<b>Negeri</b>	
Johor	2.1
Kedah	2.2
Kelantan	3.0
Melaka	1.9
Negeri Sembilan	2.1
Pahang	2.1
Perak	1.9
Perlis	2.2
Pulau Pinang	1.3
Sabah	1.4
Sarawak	1.6
Selangor	1.7
Terengganu	3.1
W.P. Kuala Lumpur	1.5
W.P. Labuan	1.8
W.P. Putrajaya	2.6
<b>Etnik</b>	
Bumiputera	2.4
Cina	1.1
India	1.3
<b>Umur (tahun)<sup>1</sup></b>	
15-19	9
20-24	44
25-29	103
30-34	117
35-39	72
40-44	22
45-49	2



Sumber:

Perangkaan Penting Malaysia, 2019. Jabatan Perangkaan  
Malaysia

Nota:

<sup>1</sup> Kadar adalah bagi setiap 1,000 perempuan berumur 15-  
49 tahun.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH  
[ PETALING JAYA ]**

**TARIKH : 8 DISEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**Puan Maria Chin binti Abdullah [ Petaling Jaya ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah status perkembangan Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga, termasuk impak dan hala tuju jawatankuasa setakat ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga telah ditubuhkan pada bulan November 2019 sebagai *platform* bagi menyelaras serta memantau perkara-perkara yang berkaitan dengan pengendalian keganasan rumah tangga. Selain dianggotai oleh wakil-wakil daripada beberapa agensi Kerajaan yang berkaitan, Jawatankuasa ini juga turut melibatkan komposisi daripada badan bukan kerajaan.

Antara perkara yang sedang dalam tindakan Jawatankuasa ini adalah:

- a) menambah baik prosedur dan garis panduan untuk agensi-agensi kerajaan mengendalikan kes-kes keganasan rumah tangga selaras dengan peruntukan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994;
- b) menyediakan manual yang boleh dijadikan rujukan dan panduan dalam kalangan mangsa mengenai hak-hak mereka dan memudahkan akses kepada bantuan perlindungan yang disediakan oleh agensi Kerajaan yang berkaitan;
- c) membangunkan lebih banyak bahan promosi yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang isu-isu berkaitan keganasan rumah tangga; dan
- d) memberikan penekanan tentang keperluan sokongan psikologi yang berterusan kepada mangsa yang turut disediakan melalui Talian Kasih 15999.

Jawatankuasa ini juga memberikan perhatian terhadap keperluan untuk memperluas tempat selamat di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan tempat berlindung di bawah badan bukan kerajaan bagi menampung keperluan mangsa dan ahli keluarga terlibat. Dalam hal ini, Kementerian menyambut baik cadangan dan sokongan Menteri Hal Ehwal Agama, Jabatan Perdana Menteri semasa Persidangan Pengerusi-pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Islam seluruh Malaysia pada 23 November 2020 untuk pemerkasaan dan pengimarahkan masjid sebagai pusat komuniti serta perlindungan mangsa keganasan rumah

## SOALAN NO. : 14

tangga. Selain itu, seperti mana yang diumumkan dalam Belanjawan 2021, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) juga akan menubuhkan Pusat Sokongan Sosial Setempat untuk mendekati masyarakat dengan menyediakan akses di peringkat lapangan bagi orang awam mendapatkan maklumat dan perkhidmatan apabila berhadapan dengan masalah sosial termasuklah kes-kes yang berkaitan dengan keganasan rumah tangga.

KPWKM juga turut mengadakan sesi libat urus dengan kerajaan negeri agar isu keganasan rumah tangga diberikan perhatian dan baru-baru ini melalui pertemuan KPWKM dengan Kerajaan Negeri Kedah, pihaknya juga telah menyatakan persetujuan dan sokongan untuk membincangkan perkara ini dalam platform di peringkat negeri.

Kementerian optimis bahawa melalui usaha-usaha tersebut akan dapat memberikan impak positif dalam usaha Kerajaan untuk mengurangkan kes-kes keganasan rumah tangga.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI  
[ PASIR MAS ]**

**TARIKH : 8 DISEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [ Pasir Mas ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam membantu ahli keluarga yang terjejas akibat ketua keluarga mereka kehilangan pekerjaan sumber pendapatan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menyedari kesan yang dihadapi oleh ahli keluarga yang terjejas akibat ketua keluarga yang kehilangan pekerjaan dan punca pendapatan untuk menanggung keluarga yang terkesan dengan pandemik COVID-19.

Pelbagai inisiatif telah pun dilaksanakan oleh Kementerian melalui agensi dan jabatan di bawahnya dalam menangani isu dan cabaran mendepani wabak COVID-19. Antara inisiatif yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

1. Agihan Bantuan Sosial Bakul Makanan yang bernilai RM100 kepada 1,000 buah keluarga yang layak bagi 222 kawasan Parlimen dengan jumlah keseluruhan RM22.2 juta untuk 222,000 bakul makanan yang selesai diagihkan pada 6 Mei 2020;
2. Agihan Bantuan Bakul Makanan di bawah Tabung NADMA COVID-19 berjumlah RM30.6 juta. Sebanyak 925,968 bakul makanan (sehingga Okt 2020) telah diagihkan dengan penglibatan seramai 4,293 orang petugas JKM dan kerjasama daripada pelbagai agensi Kerajaan;
3. Kerjasama JKM dengan 3,260 Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), syarikat korporat dan individu yang telah memanfaatkan seramai 472,364 orang penerima sumbangan;
4. Menyediakan Perkhidmatan bantuan kewangan mengikut skim-skim bantuan kewangan di bawah JKM mengikut syarat dan kelayakan yang ditetapkan;
5. Talian Khas Kaunseling COVID-19 telah diwujudkan bagi memberi perkhidmatan kaunseling dan psikologi kepada mereka yang terkesan daripada penularan wabak COVID-19 serta PKP dengan penglibatan seramai 528 orang kaunselor seluruh negara. Dalam

## SOALAN NO. : 17

tempoh dari 18 Mac 2020 hingga 19 Julai 2020, talian ini telah menerima sebanyak 2,270 panggilan.

6. Talian Kasih 15999 dan Talian Kasih *Whatsapp* 019-26 15999 yang beroperasi 24 jam sehari, tujuh (7) hari seminggu. Sehingga 29 November 2020, sebanyak 164,706 panggilan telah diterima mengambil kira keperluan bagi golongan wanita, kanak-kanak, OKU serta warga emas;
7. Kerjasama dengan *Humanitarian Country Team* Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam menyelaraskan penyaluran bantuan daripada segi kewangan, barangan keperluan, perkhidmatan atau kepakaran yang diperlukan; dan
8. Inisiatif PENJANA - Program Subsidi TASKA dan Program Bantuan Tunai secara untuk Kumpulan Rentan khusus untuk ibu tunggal, OKU dan sukarelawan Program Khidmat Bantu di Rumah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG  
[ LANANG ]**

**TARIKH : 8 DISEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah yang telah dan akan diambil oleh Kementerian untuk memastikan bahawa hak penjagaan dan penyelenggaraan kanak-kanak akan dipelihara sekiranya pasangan ibu atau bapa warga asing sudah bercerai ataupun meninggal dunia, dan ingin bermastautin di negara ini.



**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Isu penjagaan dan penyenggaraan kanak-kanak atas sebab perceraian ibu bapa ataupun sekiranya salah seorang daripada mereka telah meninggal dunia adalah diputuskan oleh pihak Mahkamah Syariah bagi kanak-kanak yang beragama Islam dan oleh Mahkamah Sivil bagi kanak-kanak bukan Islam. Dalam hal ini, urusan penjagaan serta penyenggaraan termasuk isu kemastautinan kanak-kanak untuk kekal tinggal di Malaysia walaupun ibu atau bapanya merupakan warganegara asing, masih lagi diletakkan di bawah tanggungjawab ibu atau bapa tersebut. Perkara-perkara ini adalah di luar bidang kuasa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Walau bagaimanapun, sekiranya ibu atau bapa berkenaan gagal menjalankan tanggungjawab sehingga menyebabkan kanak-kanak terdedah kepada penderaan atau pengabaian, maka Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan mengambil tindakan berdasarkan peruntukan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 [*Akta 611*]. Pemeliharaan dan perlindungan akan diberikan kepada kanak-kanak di bawah 18 tahun tanpa mengira status kewarganegaraan kanak-kanak.

Sekian, terima kasih.